

Ketirisan kontrak akan gagalkan usaha majukan kontraktor bumiputera

# Hentikan ali baba – PM

Oleh SHARILFUDDIN SAARI

um - 15/2/2007

**KOTA KINABALU** 14 Feb. - Usaha untuk memajukan bumiputera dalam bidang pembinaan tidak akan tercapai jika para pengusaha terbabit mengalibabakan kontrak kerajaan yang diberikan kepada mereka, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Sehubungan itu Perdana Menteri yang kecewa dan tidak senang hati dengan amalan itu mahukan masalah ketirisan itu diperbetulkan dan dihentikan segera.

Kerajaan sendiri katanya, akan berusaha mengurangkan sebanyak mungkin ketirisan tersebut.

"Kita akan pastikan supaya semua perkara ini (ketirisan) tidak akan berlaku lagi. Saya rasa tidak puas hati jika ini menjadi amalan.

"Kalau amalan ini berterusan, ini bermakna segala sasaran untuk menggalakkan bumiputera (dalam bidang pembinaan) tidak akan tercapai," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Terminal 2 Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu di sini, hari ini.

## ● Reaksi pelbagai pihak – Muka 2

Semalam, Abdullah melahirkan rasa sedih apabila Kajian Ketirisan Kontraktor Bumiputera yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Usahawan, Kementerian Kerja Raya menunjukkan secara purata 85.37 peratus projek yang dilaksanakan kontraktor bumiputera tahun lalu mengalir kepada kaum lain.

Menurut Abdullah, tindakan mengalibabakan projek yang dianugerahkan kerajaan itu menyebabkan ia nampak elok dari luar sahaja sedangkan hakikatnya ia bukan dilaksanakan oleh kontraktor bumiputera terbabit.

Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak menghalang sekiranya syarikat bumiputera hendak mengadakan usaha sama tulen dengan syarikat bukan bumiputera tetapi mengalibabakan peluang yang diserahkan kepada mereka "adalah satu kesulitan yang tidak diingini".

Namun katanya, apa yang berlaku pada masa ini ialah kontraktor bumiputera mengalibabakan projek dengan menyerahkan semuanya kepada kaum lain.

"Ia adalah suatu ketirisan yang hendaklah diperbetulkan," katanya.

## Senarai hitamkan kontraktor ali baba

**KETIRISAN** kontrak berlaku antaranya disebabkan kontraktor bumiputera gagal memperoleh sendiri bahan-bahan binaan.

Ini kerana pembekal bahan binaan terdiri daripada kaum Cina yang wujud dalam rangkaian kartel yang begitu kuat sejak dahulu.

Sebanyak 60 peratus kos projek terpaksa dibelanjakan bagi memperoleh bahan-binaan daripada bukan bumiputera.

– **REEZAL MERICAN NAINA MERICAN**  
Pengerusi Biro Ekonomi Pemuda UMNO.

**LANGKAH** menyenaraihitamkan kontraktor terbabit perlu bagi memastikan hanya yang berwibawa dan mampu melaksanakan tanggungjawab sahaja mendapat peluang

pada masa depan.

Dalam hal itu, pada pandangan saya kontraktor yang 'makan atas angin' diharamkan terus daripada mendapat kontrak.

Kontraktor jenis ini bukan sahaja menjejaskan peluang orang lain, sebaliknya turut mencemarkan nama baik kontraktor bumiputera secara keseluruhannya.

– **SYED AMIN ALJEFRI**  
Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Kuala Lumpur.

**JUMLAH** ketirisan yang terlalu tinggi menunjukkan kontraktor bumiputera tidak memanfaatkan peluang yang telah disediakan oleh kerajaan kepada mereka.

Apa yang berlaku perlu dijadikan iktibar dan setiap kontraktor perlu lebih sensitif dan sama-sama berganding bahu mengatasi masalah ini sebelum peratusannya terus meningkat.

– **ROSLAN AWANG CHIK**  
Yang Dipertua Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM).

**GOLONGAN** kontraktor bumiputera yang terlibat dengan perbuatan itu dianggap sebagai 'pengkhianat' negara.

Sehubungan itu, saya sokong saranan supaya kontraktor terbabit disenaraihitamkan.

Tindakan ini perlu bagi mengelakkan orang Melayu terus terpinggir dari arus pembangunan negara.

– **MOEHAMAD IZAT EMIR**  
Presiden Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia (Perdasama).

JIKA keadaan itu berterusan, matlamat DEB dan hasrat untuk mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera Generasi Kedua (MPPB2) serta Agenda Ekonomi Melayu menjelang tahun 2020, tidak mungkin tercapai.

Mungkin kita terpaksa menunggu 150 tahun lagi untuk merealisasikan semua matlamat Agenda Ekonomi Melayu.

– **WAN MOHD. ALBAKRI**  
**WAN MOHD. NOR**  
Naib Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia.